

# Belum dilaksana tetapi sudah dinilai

Oleh NOOR MOHAMAD  
SHAKIL HAMEED

**E**SOK sistem cukai baharu iaitu cukai barang dan perkhidmatan (GST) akan mula di kuatkuasakan di seluruh negara. Pelaksanaan GST dilihat telah menjadi satu fenomena yang luar biasa apabila rata-rata seluruh rakyat negara ini bercakap tentang cukai ini.

Cukai ini menarik minat dan perhatian khalayak apabila digembarkan gemburkan bakal meningkatkan harga barang dan perkhidmatan sekaligus meningkatkan lagi kos sara hidup rakyat.

Ringkasnya dicanang cukai ini bakal menyusahkan dan membebankan rakyat.

Rentetan itu tindakan pihak kerajaan memperkenalkan GST terus mencetuskan pelbagai reaksi, spekulasi serta tuduhan dan juga fitnah. Walaupun pelbagai kempen, taklimat, sesi penerangan dan pencerahan dibuat oleh pihak berkaitan seperti kastam dan agensi serta kementerian yang terlibat namun keluh kesah dan kebimbangan dalam kalangan rakyat masih belum reda. Hal ini terjadi kerana ada pihak yang secara berturusan memanipulasi fakta.

Perkara ini dilihat banyak berlaku dalam media sosial secara agresif dan berterusan. Hampir setiap hari kita boleh baca pelbagai cerita dan maklumat yang tidak sahah dan mengejirukan disebarluaskan dalam facebook dan juga twitter untuk mengelirukan rakyat. Ini menyebabkan rakyat terus tertanya-tanya yang mana satu fakta dan maklumat sebenar tentang GST.

Apakah betul GST baik untuk masa depan rakyat dan negara? Apakah betul GST boleh menurunkan harga barang dan perkhidmatan?

Apakah GST hanya menguntungkan peniaga dan kerajaan tetapi merugikan rakyat? Apakah peniaga akan mengambil kesempatan meningkatkan harga barang dan perkhidmatan? Ini adalah antara persoalan yang cukup popular yang terus bermain di minda setiap seorang daripada kita. Walaupun jawapan kepada persoalan ini mudah diperoleh jika kita meneliti info sebenar GST dari pihak berwajib namun angkara pihak yang tidak bertanggungjawab suka mencurahkan minyak ke dalam api menyebabkan pemikiran rakyat terus bercelaru.

Apa yang sedang berlaku sekarang pihak yang tidak bersetuju dengan GST ini, yang tidak dapat melihat kebaikannya dalam konteks yang lebih luas serta kebaikan jangka panjang kepada rakyat dan ekonomi negara terus mengelirukan masyarakat agar rakyat marah dan benci dengan tindakan kerajaan itu.

Ternyata kebanyakan daripada kita lebih kepada mendengar



ORANG ramai membeli barang keperluan di Tesco Cheras, Kuala Lumpur kelmarin sebelum pelaksanaan GST esok.

cakap-cakap orang, terlalu percaya kepada maklumat dalam media sosial serta terikut-ikut dengan cerita yang dibawa dan dicanangkan oleh satu pihak saja tanpa membuka mata dan minda untuk mengkaji sejauh mana segala tuduhan terbabit ada kebenaran di sebaliknya.

Bak kata pepatah Inggeris *don't judge a book by its cover*. Dalam hal seperti ini kita perlu tolak jauh permainan emosi dan perasaan yang cuba ditanamkan oleh pihak tertentu yang mempunyai agenda politik dan kepentingan peribadi.

Hakikatnya GST baru hendak dilaksanakan di negara ini. Justeru mana mungkin kita terus jatuhkan hukuman seolah-olah cukai ini bakal membebankan rakyat. Sepatutnya berilah peluang untuk sistem cukai baharu ini dilaksanakan terlebih dahulu. Selepas itu barulah kita menilai dan merumuskan keberkesanannya sama ada menguntungkan serta membawa kebaikan mahupun merugikan dan perlu dihentikan atau disemak semula.

Dalam hal ini penulis percaya sebagai sebuah kerajaan yang berpaksikan rakyat dan bertanggungjawab, kita yakin kerajaan sentiasa terbuka untuk menerima pandangan dan maklum balas daripada rakyat. Andai kelak GST ini membebankan dan ada banyak ketirisan mahupun kelemahan majukanlah pandangan dan cadangan kepada kerajaan supaya ianya dikaji semula.

Mengambil kira senario yang kita lalui sekarang apa yang penulis boleh merumuskan ialah majoriti rakyat kita sebenarnya masih tidak memahami maksud sebenar GST.

GST adalah cukai kepenggunaan yang dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan di semua peringkat perniagaan. Cukai ini dibayar apa-

bila pengguna berbelanja. GST akan menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan (CJP) yang sedia ada sekarang. Secara prinsipnya GST untuk menjadikan sistem percuakan negara lebih efektif, efisien, telus dan mesra perniagaan.

Hakikatnya GST adalah sistem percuakan lebih baik dan lebih adil berbanding CJP. Antara faedah nyata GST ialah, dapat mengurangkan kos perniagaan. Rakyat kita yang terbabit dalam dunia perniagaan pasti akan memperoleh manfaat besar melalui GST ini.

Misalnya, di bawah CJP peniaga tidak dapat menuntut sepenuhnya cukai yang dibayar ke atas input perniagaan. Namun, dengan GST, peniaga akan mendapat manfaat kerana boleh mendapatkan semula cukai input ke atas bahan mentah/barang dan perkhidmatan di setiap peringkat perniagaan. Ringkasnya, situasi ini membolehkan kos perniagaan menjadi lebih rendah.

Dalam hal ini, isu yang sering dibangkitkan malah mengelirukan rakyat, apakah pengurangan kos perniagaan itu perlu dan ditanggung pula oleh pengguna? Jawapannya tidak kerana kita perlu ingat GST menghapuskan cukai bertindih di bawah CJP. Justeru, pengguna akan membayar harga lebih berpatutan untuk kebanyakan barang dan perkhidmatan di bawah GST. GST lebih telus daripada CJP kerana pengguna akan tahu sama ada barang yang dibeli atau perkhidmatan diperoleh tertakluk kepada cukai atau amanuk cukai perlu dibayar.

Hakikatnya selepas mengambil kira senario semasa di peringkat serantau dan global pengenalan GST dilihat sebagai satu keperluan dan bukan lagi pilihan. Dalam hal ini penulis teringat kata-kata Pe-

ngarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr. Zakaria Abdul Rashid bahawa sebenarnya Malaysia berada dalam zon kritis sekiranya tidak melaksanakan GST kerana ia keperluan signifikan kerajaan, selain mempunyai kesan jangka panjang.

Tambah beliau, GST secara umumnya lebih meringankan bebanan rakyat berbanding cukai jualan dan perkhidmatan yang dilaksanakan di premis premium dan premis perkhidmatan selama ini.

Sehingga kini, lebih 160 negara melaksanakan GST. Antara negara maju yang sudah pun melaksanakan GST adalah United Kingdom, Jepun, Jerman, Sweden, Belanda, Denmark dan Singapura. Di ASEAN hanya Malaysia, Myanmar dan Brunei belum melaksanakannya.

Maka apa yang penting sekarang rakyat perlu memahami senario ekonomi semasa. Realitinya kita perlu terima hakikat keadaan ekonomi global sememangnya tidak menentu dan belum pulih sepenuhnya. Ini ditambah dengan harga minyak dunia yang tidak stabil. Ini semua menyebabkan kedudukan mata wang negara kita tidak menentu sekaligus kos sara hidup dilihat semakin meningkat kerana nilai wang yang dimiliki rakyat semakinerosot.

Itu belum lagi dengan tindakan zalim peniaga dan pemborong yang mengambil kesempatan.

Maka adalah tidak wajar menu dingari menyalahkan pihak kerajaan semata-mata. Kerajaan sebenarnya berusaha keras untuk memulihkan ekonomi negara secara berperingkat dan memerlukan masa untuk membaikkan hasil yang kita harapkan.

**PENULIS** ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia.